

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) komitmen Kerajaan melindungi pengkritik dan pemberi maklumat daripada tindakan intimidasi; dan

(b) langkah-langkah untuk memastikan undang-undang tidak digunakan sebagai senjata untuk mendiamkan *legitimate dissent* menerusi pindaan atau pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui penguatkuasaan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam mendukung hak kebebasan bersuara, selagi mana mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, PDRM akan mengambil tindakan tegas dengan melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan menghina, mempersenda atau memainkan isu-isu Institusi Diraja, agama atau perkauman berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji perundangan tersebut untuk ditambah baik. Selain itu, pihak polis juga akan terus melakukan pemantauan ke atas penyebaran maklumat dan tindakan segera akan diambil sekiranya terdapat elemen yang melibatkan sensitiviti Institusi Diraja, agama atau perkauman. Ini kerana, isu-isu sensitif tersebut boleh menjejaskan ketenteraman dan keharmonian rakyat jika tidak dibendung.